

Headline	Lapan agensi tak pulang baki geran RM83.67 juta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2019	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	19	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	73 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,235
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,706



Lapan agensi tak pulang baki geran RM83.67 juta

Kuala Lumpur: Pengauditan pematuhan pengurusan geran daripada kementerian kepada agensi persekutuan, oleh Jabatan Audit Negara menemui baki geran RM83.67 juta, bagi 67 projek pembangunan dan program sudah siap, tetapi tidak dipulangkan kepada Perbendaharaan Malaysia.

Penemuan dilaporkan berlaku di lapan agensi, menurut Laporan Ketua Audit Negara berkenaan Pengesahan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan 2018 yang dikeluarkan, semalam.

Agensi terbabit ialah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

BERNAMA